

08 SEP 1997

Lead-Pembenihan awan

OPERASI PEMBENIHAN AWAN BERJAYA

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Operasi pembenihan awan untuk mengatasi masalah jerebu di ibu negara mencatatkan kejayaan hari ini apabila beberapa kawasan termasuk Damansara, Puchong dan Subang menerima hujan pertama hasil teknik yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas.

Pengarah Bahagian Perubahan Cuaca Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Tung Nam Ping ketika dihubungi berkata hujan selama antara 20 dan 40 minit itu merupakan kejayaan pertama operasi seminggu itu.

"Ia satu kejayaan ... berdasarkan ramalan cuaca, hujan tidak akan turun di kawasan berkenaan," katanya.

Menurut ramalan cuaca yang dikeluarkan jabatan hari ini, hujan sementara dan ribut petir berkemungkinan melanda beberapa kawasan termasuk Selangor. Bagaimanapun secara khusus, kawasan yang akan ditimpa hujan tidak dapat ditentukan.

Jabatan itu ketika dihubungi Bernama menjelaskan berdasarkan gambar satelit, sedikit hujan berkemungkinan turun pada sebelah petang di Selangor tetapi hujan lebat di beberapa kawasan petang ini berkemungkinan besar hasil pembenihan hujan yang dijalankan.

Terdahulu, Tung mengetuai operasi pembenihan hujan untuk kawasan Lembah Klang yang bermula pada pukul 2.45 petang.

Operasi itu berjalan lancar dengan penyemburan bahan penggalak hujan di satu-satunya kelompok awan yang sesuai, berhampiran Puchong dan Shah Alam.

"Kita melepaskan kesemua bahan (1,000 liter larutan air garam) yang dibawa ke dalam kepulan awan itu yang bersaiz setengah hingga satu kilometer," katanya selepas selesai operasi pembenihan hujan di Subang hari ini.

Kerja-kerja pembenihan awan itu yang selesai dalam masa 10 minit mulai pukul 3.10 petang menggunakan pesawat Skyvan milik syarikat Pan Malaysian Air Transport.

Pesawat itu, yang dipandu juruterbang Than Tun dan pembantu juruterbang Paw Hutn dari Myanmar, telah terbang setinggi 2,133.6 meter hingga 2,194.5 meter.

Syarikat itu turut terlibat dalam operasi pembenihan awan di kawasan Muda dan Pedu di Kedah terutamanya pada musim kemarau.

Tung berkata, keadaan jerebu yang amat tebal dan mencapai ketinggian sehingga 2,133.6 meter di kawasan Lembah Kelang menyukarkan operasi itu selain menyulitkan penentuan keberkesanan pembenihan hujan itu.

Kawasan yang mungkin menerima hujan beberapa minit selepas pembenihan awan itu ialah Puchong, Damansara dan sekitar Shah Alam, katanya.

Operasi pembenihan hujan itu akan diteruskan selama seminggu dan kekerapan penerbangan bergantung kepada keadaan cuaca, kata Tung.

Ditanya mengenai perbezaan menggunakan roket untuk pembenihan hujan, Tung berkata ia belum dapat ditentukan kerana teknologi itu masih belum digunakan secara komersial oleh sebarang pihak.

"Penggunaan roket perlu dilakukan secara eksperimen terlebih dahulu sebelum digunakan secara meluas," katanya. -- BERNAMA

HJ AHH